

# 40 pelajar KML dalam ilmu di Fakulti Komputeran dan Informatik UMSKAL

UB 28.02.2023 P.08

**LABUAN:** Seramai 40 orang pelajar Jurusan Sains Modul Sains Komputer Kolej Matrikulasi Labuan (KML) telah menyertai Lawatan Kerja ke Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI), Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) pada Jumaat lalu.

Pegawai Kaunseling KML, Zarina Sana, berkata lawatan itu bertujuan untuk mendapatkan maklumat dari segi bidang kursus dan syarat kemasukan ke jurusan teknologi maklumat di UMSKAL.

Selain itu, katanya, untuk melihat kemudahan dan fasiliti peralatan teknologi maklumat yang disediakan oleh pihak universiti dalam pembelajaran untuk para pelajar.

“Lawatan itu juga bertujuan sebagai jalinan kerjasama rakan strategik antara KML dan UMSKAL.

“Menerusi lawatan itu, pelajar KML akan dapat merasai suasana pembelajaran di universiti,” katanya yang juga ketua rombongan \*



**TERIMA KASIH:** Dr. Nooralisa menerima cenderamata daripada Tan Her Soon sambil diperhatikan Mohd Nazri, Dr. Carolyn (dua kiri) dan Zarina (kanan).

KML.

Turut bersama rombongan KML ialah Pensyarah Sains Komputer KML, Tan Her Soon dan Pengarah Program, Mohamad Nazmi Kamarudin.

Ketibaan pelajar KML itu disambut Pegawai Teknologi Maklumat Kanan, Mohd Nazri Suin yang mewakili Dekan Fakulti Komputeran & Informatik (FKI), Professor Madya Ts. Dr. Mohd. Hanafi Ahmad Hijazi, Ket-

ua Program Komputeran Perniagaan, Dr. Nooralisa Mohd Tuah dan Pensyarah Kanan Program Teknologi Multimedia, Dr. Carolyn Salimun.

Ketika di Dewan Kuliah Podium A, Bangunan Menara UMSKAL, Mohd Nazri menyampaikan taklimat mengenai pentadbiran FKI manakala Dr. Nooralisa dan Dr. Carolyn masing-masing menyampaikan maklumat mengenai Program Kom-



**BERJAYA:** Pelajar KML bergambar kenangan di hadapan Menara UMSKAL.

puteran Perniagaan dan Program Teknologi Multimedia.

Mohd Nazri turut menyerahkan mengenai kemudahan yang terdapat di Makmal FKI di Aras 9, Bangunan Menara UMSKAL.

Sebelum mengakhiri lawatan, pelajar KML berpeluang melihat pemandangan menarik Wilayah Persekutuan Labuan dari Aras 13 yang turut menempatkan balai cerap anak bulan.

“Kami berharap pelajar KML akan menjadikan FKI pilihan utama mereka seterusnya,” kata Mohd Nazri.



**INFORMASI:** Pelajar KML tekun mendengar penerangan Mohd Nazri mengenai kemudahan di Makmal FKI.